

## **PRO-NET Tawarkan Perjalanan Balik Kampung Pada Hari Raya ini dengan Diskaun Caj Pengecasan Sebanyak 30%!**

*Nikmati Diskaun Caj Pengecasan 30% dari 29 Mac hingga 7 April 2025!*

**Subang Jaya, 28 Mac 2025** – Dalam meraikan bulan Syawal akan datang, Proton New Energy Technology (PRO-NET), anak syarikat pengeluar kereta nasional PROTON, menawarkan diskaun istimewa 30% untuk caj pengecasan EV dari 29 Mac hingga 7 April 2025. Inisiatif ini memastikan pengalaman balik kampung akan lebih lancar dan harga pengecasan lebih berpatutan, disokong oleh rangkaian pengecasan EV terbesar yang semakin berkembang di Malaysia.

### **Proton e.MAS 7 EV No. 1 Malaysia yang Dipercayai Ramai**

Sebagai model EV nombor satu di Malaysia, Proton e.MAS 7 telah mencetuskan fenomena, mencatatkan pendaftaran EV tertinggi selama dua bulan berturut-turut. Pencapaian luar biasa ini mencerminkan keyakinan rakyat Malaysia yang semakin meningkat terhadap Proton e.MAS sebagai pilihan utama kenderaan elektrik negara.

PRO-NET menerajui masa depan elektrik Malaysia dengan menyediakan akses kepada lebih 2,000 poin pengecasan awam di seluruh negara, menjadikannya rangkaian pengecasan bersepadu terbesar di Malaysia. Infrastruktur yang semakin berkembang dan meluas ini memastikan perjalanan tanpa rasa risau bagi pemilik Proton e.MAS dan smart serta menawarkan pengalaman Balik Kampung yang lancar untuk semua rakyat Malaysia sempena Hari Raya.

### **Pulang dengan Tenang, Ganjaran Raya PRO-NET untuk Pemilik EV**

Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, Encik Zhang Qiang, menyatakan keterujaannya terhadap inisiatif ini: “Di PRO-NET, kami komited untuk menjadikan pemanduan elektrik lebih praktikal dan menyenangkan untuk semua. Sempena sambutan Hari Raya, kami ingin menghargai pelanggan dengan memastikan perjalanan pulang mereka lebih mudah dan harga caj pengecasan lebih berpatutan. Proton e.MAS 7 kini menjadi EV terlaris di Malaysia, dan dengan rangkaian pengecasan yang semakin berkembang, kami membuktikan komitmen kami dalam membina ekosistem EV yang lestari.”

Tidak kira sama ada anda memandu Proton e.MAS 7 atau model smart, anda berpeluang menikmati perjalanan tanpa sebarang masalah sambil memanfaatkan diskaun pengecasan 30% untuk masa terhad. Pemilik Proton e.MAS dan smart boleh menikmati tawaran istimewa ini di lebih 85% stesen pengecasan awam. Hanya gunakan aplikasi Proton e.MAS atau Hello smart untuk memulakan sesi pengecasan, dan diskaun akan diaktifkan secara automatik.

Untuk maklumat lanjut, ikuti saluran media sosial rasmi Proton e.MAS: Facebook (Proton e.MAS Cars), Xiaohongshu (Proton e.MAS Cars), TikTok (@protonemasofficial), dan Instagram (@protonemasofficial).

-Tamat-

#### **Mengenai Proton e.MAS**

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama di Malaysia, sebuah sub-jenama PROTON yang diedarkan oleh PRO-NET. Memainkan peranan penting dalam penerimaan EV dan pembangunan ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui transformasi ke arah mobiliti lestari dengan inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedaran yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem menyeluruh memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Selaras dengan misi syarikat induk kami, PROTON, kami berusaha untuk INSPIRE CONNECTIONS dengan menawarkan Inovasi Teknologi, Kebolehpercayaan, dan standard antarabangsa secara konsisten. Proton e.MAS telah diperkenalkan pada 12 Jun 2024.



Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

**Issued by:**

PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff

Chief Branding Officer

Telephone: +6012-219 4581

Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Faisal Shah Mohamed Shah

Senior Manager Group Communication

Telephone: +6019-321 8897

Email: [faisalshah@proton.com](mailto:faisalshah@proton.com)

Agus Mohd Nawiah

Senior Executive, Public Relations

Telephone: +6017-232 6225

Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

**For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:**

Menuka Vejasegaran

H/Advisors Klareco

Telephone: +6014 345 2006

Email: [menuka.vejasegaran@h-advisors.global](mailto:menuka.vejasegaran@h-advisors.global)

Joshua Fredrick

H/Advisors Klareco

M: +6012 392 8943

Email: [joshua.fredrick@h-advisors.global](mailto:joshua.fredrick@h-advisors.global)